

DBKL keluar 79 kompaun, tutup 3 premis kotor

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengeluarkan 79 kompaun dan mengarahkan tiga premis makanan di ibu kota ditutup selepas tahap kebersihan masing-masing termasuk petugas serta persekitaran didapati tidak memuaskan dan melanggar undang-undang.

DBKL dalam kenyataannya, berkata Operasi Sepadu Bersih itu membabitkan pemeriksaan ke atas 93 premis perniagaan di sekitar The Garden Mall (Parlimen Lembah Pantai), Jalan Jalil Perkasa (Parlimen Seputeh), Jalan Manis 3, Taman Segar (Parlimen Cheras), Jalan Leboh Ampang dan Jalan Tingkat Tong Shin (Parlimen Bukit Bintang), Taman Sri Sinar dan 1 Mont Kiara (Parlimen Segambut).

Bagaimanapun katanya, ketika pemeriksaan dijalankan, 34 premis didapati ditutup atau tidak beroperasi, menyebabkan

hanya 59 premis diperiksa.

“Berdasarkan pemeriksaan, tiga premis dikenakan tindakan arahan penutupan mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) 28(1) Undang-undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan (WPKL) 2016.

“Selain itu, 79 kompaun dikeluarkan atas pelbagai kesalahan di bawah UUK Pelesenan Petempatan Makanan (WPKL) 2016, UUK Pengendali Makanan 1979 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976,” kata DBKL menerusi perkongsian di Facebook kelmarin.

DBKL berkata, pelbagai kesalahan bersabit aspek kebersihan, petugas serta persekitaran premis dikenakan tindakan.

“DBKL akan meneruskan tindakan seumpama ini dari semasa ke semasa bagi memastikan pengusaha premis makanan mematuhi kehendak kesihatan yang telah ditetapkan,” katanya.



DBKL mengeluarkan 79 kompaun dan mengarahkan tiga premis makanan ditutup.